

<p>Kemungkinan-kemungkinan salah faham di dalam mana-mana ayat al-Qur'an akan dihilangkan bila perlu.</p>	<p>قاعدة ٥٥ المُحْتَرَزَاتُ فِي الْقُرْآنِ تَقَعُ فِي كُلِّ الْمَوَاضِعِ عِنْدَ الْحَاجَةِ إِلَيْهَا</p>	
<p>Keterangan: Apabila terdapat kemungkinan salah faham pada sesuatu ayat al-Qur'an, maka pasti akan ada sesuatu yang menghilangkannya. Ia tidak akan dibiarkan begitu saja dalam keadaan mengalirukan.</p>		

Di bawah ini dikemukakan beberapa contohnya:

(1)

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ غَيْرُ أُولَى الضَّرَرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ عَلَى الْقَاعِدِينَ دَرَجَةً وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحَسَنَىٰ وَفَضَّلَ اللَّهُ الْمُجَاهِدِينَ عَلَى الْقَاعِدِينَ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿٩٥﴾

95. Tidaklah sama antara mukmin yang duduk (yang tidak ikut berperang) yang tidak mempunyai uzur dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka. Allah melebihkan orang-orang yang berjihad dengan harta dan jiwanya atas orang-orang yang duduk (tidak turut berperang kerana uzur) satu darjat. Kepada masing-masing mereka Allah menjanjikan pahala yang baik (syurga) dan Allah melebihkan orang-orang yang berjihad atas orang yang duduk (tidak turut berperang tanpa ada sesuatu uzur) dengan pahala yang besar. (an-Nisaa':95).

Jika غير أُولَى الضَّرَرِ tidak disebutkan di dalam ayat di atas, niscaya ia boleh disalah fahami oleh sesetengah orang, bahawa orang yang tidak pergi berperang itu bagaimana pun tetap tidak akan mendapat langsung kelebihan (pahala) yang diperolehi orang-orang yang pergi berjihad. Padahal yang tidak mendapat langsung pahala seperti orang-orang yang pergi berjihad ialah orang-orang yang tidak pergi tanpa ada sebarang keuzuran. Adapun orang-orang yang tidak pergi kerana ada keuzuran, mereka dapat juga pahala, cuma pahala yang diperolehinya kurang daripada pahala orang-orang yang pergi berjihad dengan harta dan jiwa mereka.

Itulah sebabnya setelah mengatakan tidak sama di antara orang-orang yang tidak ikut berperang, Allah terus menyebut غير أُولَى الضَّرَرِ (yang tidak mempunyai 'uzur) sebelum lagi Dia menyebutkan orang-orang yang pergi berjihad di jalan Allah dengan harta mereka dan jiwanya. Memanglah tidak sama, tetapi itu tidaklah bererti orang-orang yang tidak ikut berperang kerana ada sesuatu keuzuran langsung tidak mendapat pahala yang diperolehi orang-orang yang pergi berjihad. Yang tidak dapat langsung ialah orang-orang yang tidak ikut berperang dalam keadaan tidak ada sebarang keuzuran yang dibenarkan oleh Syara'.

(2)

إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَى وَلَا تُسْمِعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلَّوْا مُدْبِرِينَ ﴿٨٠﴾

80. Sesungguhnya kamu tidak dapat menjadikan orang-orang yang mati mendengar dan (tidak pula) menjadikan orang-orang yang tuli (pekak) mendengar panggilan, apabila mereka telah berpaling membelakang. (an-Naml: 80).

Orang yang salah faham mungkin berkata, memanglah orang tuli tidak mendengar seruanmu, tetapi ia boleh faham jika engkau memahamkannya dengan bahasa isyarat misalnya. Untuk menghilangkan kekeliruan itulah Allah menutup firmanNya dengan berkata: “apabila mereka telah berpaling membelakang”. Dalam keadaan berpaling membelakang bagaimana orang tuli akan faham bahasa isyaratmu?

(3)

فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ ۖ وَكَلَّا ۖ آتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا ۖ وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُدَ الْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَالطَّيْرَ ۖ وَكُنَّا فَاعِلِينَ ﴿٧٩﴾

79. Maka Kami beri (Nabi) Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak) dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan (Nabi) Daud dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu.

Oleh kerana firman Allah di permulaan ayat, iaitu فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ mungkin disalah fahami oleh sesetengah orang, bahawa kedudukan Daud di segi kefahaman kurang daripada Sulaiman, maka ia diiringi terus dengan firmanNya وَكَلَّا ۖ آتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا (dan masing-masing dari mereka berdua Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu yang banyak) dan selepas itu dikemukakan pula keistimewaan Daud secara khusus كُنَّا فَاعِلِينَ وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُدَ الْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَالطَّيْرَ (dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan (Nabi) Daud).